

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PROGRAM MANFAAT CIMB@WORK 2020**Definisi**

- a. **“CIMB Bank”** ertinya CIMB Bank Berhad.
- b. **“CIMB Islamic”** ertinya CIMB Islamic Bank Berhad.
- c. **“Bank”** ertinya secara kolektif CIMB Bank Berhad dan CIMB Islamic Bank Berhad
- d. **“Pelanggan CIMB@Work”** ertinya seseorang individu yang telah memenuhi syarat kelayakan CIMB@Work yang ditetapkan oleh Bank dan yang telah diterima oleh Bank sebagai Pelanggan CIMB@Work.
- e. **“Syarikat CIMB@Work”** ertinya Syarikat yang menggunakan akaun semasa perniagaan CIMB/ CIMB Islamic Bank Berhad yang telah mendaftar kepada surat tawaran CIMB@Work
- f. **“Program Manfaat CIMB@Work”** ertinya program manfaat yang dirancang oleh Bank untuk pelanggan yang menerima gaji daripada Syarikat CIMB@Work untuk menikmati ciri, manfaat dan ganjaran produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank di sini yang boleh ditawarkan kepada Pelanggan CIMB@Work dari semasa ke semasa secara eksklusif.
- g. **“Pelanggan Layak”** ertinya Pelanggan CIMB@Work yang telah memenuhi kriteria dan mekanik untuk menikmati Program Manfaat CIMB@Work
- h. **“Mata Bonus”** ertinya mata yang dianugerahkan kepada Pelanggan CIMB@Work berhubung dengan pendaftaran produk, penggunaan produk serta pendaftaran produk bulanan.
- i. **“Akaun Gaji”** ertinya akaun simpanan atau semasa Pelanggan CIMB@Work yang dikekalkan dengan CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank.
- j. **“Kad Debit yang membolehkan POS”** ertinya Mastercard Debit Bank yang boleh digunakan untuk melakukan transaksi Titik Jualan (POS) melalui rangkaian Mastercard.

1. Program Manfaat CIMB@Work

- 1.1 CIMB@Work menawarkan Program Manfaat CIMB@Work Berhad, program eksklusif untuk pekerja Syarikat yang CIMB@Work dirujuk di sini sebagai **“Program Manfaat”**.
- 1.2 Bank merizabkan hak untuk memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar yang ditetapkan atau mengenakan terma-terma dan syarat-syarat lanjutan berhubung dengan Program Manfaat CIMB@Work.

2. Kelayakan

- 2.1 Untuk layak dipertimbangkan oleh Bank sebagai Pelanggan CIMB@Work untuk menikmati Program Manfaat, pelanggan mesti memenuhi kriteria berikut:

- (a) Pelanggan yang mempunyai gaji bulannya dikreditkan ke Akaun Semasa atau Simpanan CIMB Bank atau CIMB Islamic Bank (**“CASA/CASA-i”**) dari Syarikat CIMB@Work

Syarat 2.1 (a) selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai **“Kriteria Penyertaan”** dan pelanggan baru atau sedia ada Bank yang memenuhi Kriteria Penyertaan dirujuk sebagai **“Pelanggan Layak”**

3. Manfaat & Mekanik

- 3.1 Pelanggan Layak dikehendaki untuk mengemukakan bukti pekerjaan di syarikat CIMB@Work dengan menunjukkan kad pengenalan kakitangan di Cawangan CIMB Bank dan CIMB Islamic untuk layak kepada manfaat.

3.2 Pelanggan Layak akan layak kepada Program Manfaat yang berikut apabila memenuhi semua kriteria kelayakan yang dinyatakan dalam Klausa (2).

Keterangan	Kelayakan & Mekanik						
<p>1. Pembiayaan Berjangka-i yang dijamin oleh ASB <i>Berkuatkuasa dari 1 Disember 2019 - 30 Jun 2020</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan Layak akan layak kepada kadar pembiayaan yang kompetitif dengan pengambilan bagi Pembiayaan Berjangka-i yang dijamin oleh ASB Kelulusan adalah tertakluk kepada budi bicara Bank Kadar keutamaan efektif keutamaan boleh berubah dengan perubahan Kadar Dasar <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #c00000; color: white;">Kadar Keutamaan</th> <th style="background-color: #c00000; color: white;">Keperluan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">BR + 1.0%</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> Jumlah pembiayaan minimum RM10k Takaful Pembiayaan Berjangka Kumpulan (GTFT) </td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">BR + 0.90%</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> Jumlah pembiayaan minimum RM100K 50k Takaful Pembiayaan Berjangka Kumpulan </td> </tr> </tbody> </table>	Kadar Keutamaan	Keperluan	BR + 1.0%	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah pembiayaan minimum RM10k Takaful Pembiayaan Berjangka Kumpulan (GTFT) 	BR + 0.90%	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah pembiayaan minimum RM100K 50k Takaful Pembiayaan Berjangka Kumpulan
Kadar Keutamaan	Keperluan						
BR + 1.0%	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah pembiayaan minimum RM10k Takaful Pembiayaan Berjangka Kumpulan (GTFT) 						
BR + 0.90%	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah pembiayaan minimum RM100K 50k Takaful Pembiayaan Berjangka Kumpulan 						
<p>2. Simpanan Tetap Keutamaan (FD)/Akaun Pendapatan Pulangan Tetap-i (FRIA-i) <i>Berkuatkuasa dari 5 Mac 2020 – 31 Disember 2020</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan Layak akan layak untuk Simpanan Tetap keutamaan (“FD”) dan Akaun Pendapatan Pulangan Tetap-i (“FRIA-i”) sehingga 30 BP melebihi Kadar Semasa Tawaran ini tidak boleh bersama dengan sebarang kadar promosi untuk FD/FRIA-i Peserta Layak dikehendaki untuk mengambil pulangan matang bagi FD/FRIA-i, yang termasuk tempoh 1,2,3,6 dan 12 bulan. Kadar FD/FRIA-i akan terpakai bagi tempoh maksimum dua belas (12) bulan Kadar di atas akan terpakai bagi SATU (1) kitaran dan akan kembali kepada Kadar Semasa bagi seterusnya secara automatik. Kadar keutamaan boleh berubah dengan perubahan Kadar Dasar Kadar keutamaan adalah terpakai untuk kedua-dua dana baru dan dana sedia ada. Dana baru merujuk kepada dana di luar Bank dan Dana Sedia Ada merujuk kepada pembaharuan kontrak FD/FRIA-i atau penempatan FD/FRIA-i sedia ada mana-mana dana yang ada di dalam Bank Bank adalah ahli PIDM. Produk ini dilindungi oleh PIDM sehingga Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000) bagi setiap pendeposit 						

<p>3. Kemudahan Overdraif Terjamin Peribadi¹ <i>Berkuatkuasa dari 5 Mac 2020 – 31 Disember 2020</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan Layak akan menikmati kadar BR +0.85% untuk Kemudahan Overdraif Terjamin Peribadi CIMB Bank terhadap FD • Kadar Keutamaan akan berubah dengan perubahan Kadar Dasar • Pelanggan Layak akan layak untuk pengecualian fi ke atas Kemudahan Overdraif Terjamin Peribadi terhadap jumlah Simpanan Tetap yang melebihi Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000)
<p>4. Kadar Pertukaran Mata Wang Asing Keutamaan di Pertukaran Mata Wang CIMB (“CIMB Bureau De Change”) (CIMB BDC) <i>Berkuatkuasa dari 5 Mac 2020 – 31 Disember 2020</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan Layak akan menikmati kadar pertukaran keutamaan di semua cawangan Pertukaran Mata Wang CIMB (“CIMB BDC”) di seluruh negara bagi mata wang terpilih • Mata wang terpilih ialah Dolar Australia, Dolar Brunei, Dolar Singapura, Pound Sterling, Dolar Amerika Syarikat, Euro, Dolar Kanada, Franc Swiss, Dolar New Zealand, Yen Jepun, Rupee India, Rupee Pakistan, Rupee Sri Lanka, Dolar Taiwan Baru, Baht Thailand, Peso Filipina, Won Korea Selatan, Rupiah Indonesia, Dong Vietnam, Riel Kemboja, RMB China, Dolar Hong Kong, Dirham UAE, Riyal Arab Saudi, Kome Denmark, Krone Norway, Krona Sweden, Rand Afrika Selatan, Pataca Macau dan Rial Qatar • Kadar Pertukaran Keutamaan hanya terpakai di Pusat CIMB BDC; tidak terpakai di Cawangan CIMB atau di platform digital
<p>5. Keperluan Minimum Diturunkan bagi CIMB Preferred <i>Berkuatkuasa dari 5 Mac 2020</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan Layak akan menikmati keahlian <i>Preferred</i> bagi enam (6) bulan pertama dengan gaji minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) yang dikreditkan dalam CASA/CASA-i CIMB • Pelanggan Layak dikehendaki mengekalkan ‘Baki minimum’ Aset Di Bawah Pengurusan (“AUM”) yang ditakrifkan sebagai jumlah agregat yang disimpan dalam mana-mana akaun deposit Bank dan/atau dilabur dalam mana-mana produk pelaburan [tidak termasuk Dana <i>Variable Priced Amanah Saham Nasional Berhad (ASBN)</i>] Bank di bawah akaun tunggal atau bersama Pelanggan di mana Pelanggan adalah pemegang akaun utama Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) dari bulan ketujuh (ke-7) hingga kedua belas (ke-12) dan Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000) selepas bulan kedua belas (ke-12) • Kegagalan untuk mengekalkan ‘Baki Minimum’ yang diperlukan boleh menyebabkan penamatan atau penggantungan perkhidmatan dan keistimewaan CIMB Preferred setelah Bank memberikan pemberitahuan terdahulu empat belas (14) hari kalendar
<p>6. Rebat Fi Tahunan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Peserta Layak akan layak kepada (“Rebat Fi Tahunan”) jika beliau:

¹ Hanya sah untuk pelanggan CIMB Bank

<p>atas CIMB Enrich World Mastercard dan CIMB Enrich World Elite Mastercard² <i>Berkuatkuasa dari 5 Mac 2020 – 31 Disember 2020</i></p>	<p>(a) mengemukakan permohonan untuk kad kredit CIMB Enrich World Mastercard ATAU CIMB Enrich World Elite Mastercard semasa Tempoh Kempen sebagai pemegang kad utama di Cawangan CIMB Bank atau CIMB Islamic; DAN</p> <p>(b) kad kredit mesti diluluskan dengan berjaya oleh Bank pada 4 Januari 2021 dan kad kredit mesti diaktifkan dalam enam puluh (60) hari dari Tarikh Kelulusan Kad. "Tarikh Kelulusan Kad" hendaklah bermaksud tarikh seperti yang dinyatakan dalam pembawa kad yang dihantar bersama dengan kad kredit CIMB kepada Pemohon</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rebat Fi Tahunan akan dikreditkan ke akaun CIMB Enrich World Mastercard ATAU CIMB Enrich World Elite Mastercard Peserta Layak ("Akaun CIMB") dalam enam puluh (60) hari dari tarikh kad dikenakan. • Peserta Layak akan menerima pemberitahuan Rebat Fi Tahunan, melalui penyata kad kredit masing-masing mengikut tarikh pengkreditan Rebat Fi Tahunan. • Setiap Peserta Layak layak menerima Rebat Tahunan sekali untuk setiap kad yang dipohon dan maksimum Ringgit Malaysia Satu Ribu Dua Ratus Lapan Puluh Lapan (RM1,288), sepanjang Tempoh Kempen, dengan syarat Peserta Layak memenuhi klausa 3.2 10(a) dan 3.2 10(b)
----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

3.3 Program Manfaat tertakluk kepada pemakaian terma-terma dan syarat-syarat produk atau perkhidmatan Bank yang berkenaan atau yang berkaitan, yang berasingan daripada terma-terma dan syarat-syarat di sini. Semua manfaat produk yang diperuntukkan sebagai sebahagian daripada Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work mestilah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat yang mentadbir produk atau perkhidmatan masing-masing.

3.4 Bank merizabkan hak untuk menyemak, mengubah, menggantung, membatalkan, menamat atau menarik balik Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan kepada Pelanggan CIMB@Work notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang penamatan, pembatalan, pindaan, pengubahsuaian, semakan, sekatan atau penggantungan semua atau mana-mana Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work tidak akan melayakkan Pelanggan CIMB@Work dan/atau mana-mana orang untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan CIMB@Work dan/atau mana-mana orang secara langsung atau tidak langsung akibat daripada tindakan pemberhentian, pembatalan, pindaan, pengubahsuaian, semakan, sekatan atau penggantungan melainkan yang sama adalah disebabkan oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja Bank

3.5 Bank boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa menawarkan ciri, manfaat dan ganjaran ke atas produk atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada Pelanggan CIMB@Work. Senarai penuh ciri, manfaat dan ganjaran boleh dilihat di laman web Bank di www.cimb.com.my

4 Mata Bonus

4.1 Semua Pelanggan CIMB@Work adalah layak untuk menebus Mata Bonus di bawah Program Ganjaran Ahli CIMB, yang boleh diakses dari laman web Bank di www.cimb.com.my

4.2 Untuk layak mendapat Mata Bonus, Pelanggan CIMB@Work mesti mematuhi yang berikut:-

- a. mempunyai Kad Debit Yang Membolehkan POS; dan
- b. kelayakan beliau untuk menikmati atau menggunakan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work menurut terma-terma dan syarat-syarat di sini belum ditamatkan.

4.3 Pelanggan CIMB@Work akan layak untuk memperolehi Mata Bonus selepas pendaftaran produk dan penggunaan produk mengikut Seksyen 3 Katalog Ganjaran Ahli di bawah Program Ganjaran Ahli CIMB, yang boleh diakses dari laman web Bank di www.cimb.com.my

5. Penamatan

5.1 Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work Pelanggan CIMB@Work hendaklah dianggap ditamatkan apabila berlaku sebarang kejadian berikut

- a. Penghentian gaji bulanan daripada Syarikat CIMB@Work yang dikreditkan dalam Akaun Gaji Pelanggan CIMB@Work untuk empat (4) bulan berturut-turut; atau
- b. Peletakan jawatan, penamatan, atau pemberhentian kerja Pelanggan CIMB@Work mengakibatkan penghentian pengkreditan gaji bulanan seperti yang disebutkan dalam Klausula 5.1a; atau
- c. Pengeluaran oleh majikan Pelanggan CIMB@Work dalam kes ini Petroliam National Berhad daripada pengkreditan gaji melalui BizChannel@CIMB, mengakibatkan pemberhentian pengkreditan gaji bulanan seperti yang disebutkan dalam Klausula 5.1a.

5.2 Walau apa pun Klausula 5.1, Bank merizabkan hak untuk menggantung atau menamatkan kelayakan Program Manfaat Pelanggan CIMB@Work untuk menikmati atau menggunakan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan CIMB@Work.

5.3 Setelah penamatan yang disebutkan dalam Klausula 5.1 dan 5.2, Pelanggan CIMB@Work hendaklah dengan serta-merta berhenti menikmati atau menggunakan semua ciri, manfaat dan ganjaran yang ditawarkan di bawah Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work.

5.4 Bank tidak akan, dalam sebarang keadaan, dipertanggungjawabkan untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan CIMB@Work atau mana-mana pihak lain, berkenaan dengan (i) kenikmatan dan/atau bukan kenikmatan dan penggunaan dan/atau bukan penggunaan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work oleh Pelanggan CIMB@Work; (ii) tindakan Bank untuk menamatkan atau menagguhkan kelayakan Pelanggan CIMB@Work untuk menikmati atau menggunakan Ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work melainkan yang sama disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.

Notis Penting

6. Dengan menyertai Program Manfaat , Pelanggan CIMB@Work dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Terma-Terma & Syarat-Syarat ini serta memberi kuasa kepada Bank untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di www.cimb.com.my dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB Bank berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Ganjaran yang diberikan dan penentuan Pelanggan CIMB@Work hendaklah muktamad, terikat dan konklusif.
7. Pelanggan CIMB@Work bagi Kempen (i) MESTI tidak memungkiri terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Kempen DAN (ii) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan yang dilakukan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, berdelinkuen, dan/ atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB Bank semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Ganjaran, jika tidak Pelanggan CIMB@Work akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Program Manfaat .
8. Bank merizabkan hak mengikut budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan CIMB@Work yang ia tentukan telah mengganggu proses penyertaan, atau bertindak memungkiri atau berpotensi memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
9. Bank merizabkan hak untuk menggantikan Ganjaran daripada Program Manfaat dengan item lain yang mempunyai kos setara dan/atau melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan CIMB@Work. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Program Manfaat ini oleh Bank tidak akan melayakkan mana-mana Pelanggan CIMB@Work atau mana-mana orang lain jua kepada apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan CIMB@Work akibat secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini.
10. Dengan menyertai Program Manfaat ini, Pelanggan CIMB@Work dengan ini bersetuju bahawa Bank tidak akan dalam apa jua cara bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan CIMB@Work sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian apa-apa kewajipannya di sini, yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, apa-apa tindakan "act of God" di luar kawalan Bank atau disebabkan oleh apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* di luar kawalan munasabah Bank.

CIMB Bank Berhad (197201001799 (13491-P))

CIMB Islamic Bank Berhad (200401032872 (671380-H))

11. **Bank** tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan **CIMB@Work** atau mana-mana pihak atas apa-apa kehilangan atau kerugian apa jua sifat sekalipun yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) walau bagaimanapun ia timbul, berkenaan dengan penyertaan atau bukan penyertaan dalam **Program Manfaat** ini termasuk yang timbul daripada kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan Pelanggan **CIMB@Work** **Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”)** melainkan yang sama timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja **Bank**.
12. **Bank** merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk meminda (sama ada dengan penambahan, pepadaman, pengubahsuaian, pindaan atau apa-apa jua) (“Pindaan”) mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Pemberitahuan kepada Pelanggan **CIMB@Work** berkenaan dengan Pindaan akan dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak **Bank** melalui mana-mana satu kaedah komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web **Bank** dan cawangan atau kaunter **BDC CIMB** di mana peruntukan-peruntukan terperinci berkenaan dengan Pindaan boleh dibekalkan dalam notis tersebut sendiri atau boleh diberikan kepada Pelanggan **CIMB@Work** atas permintaan; atau melalui iklan mengenai Pindaan dalam satu surat khabar pilihan **Bank** atau melalui apa-apa kaedah pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh **Bank** dan Pindaan akan dianggap terikat ke atas Pelanggan **CIMB@Work** dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain seperti yang boleh dinyatakan oleh **Bank** dalam pemberitahuan. Pelanggan **CIMB@Work** mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web **Bank** pada selang masa yang tetap untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat **Program Manfaat** dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau perubahsuaian kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
13. Tiada pampasan dalam tunai atau apa jua jenis akan diberikan kepada Pelanggan **CIMB@Work** untuk sebarang kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung oleh pindaan, variasi, pepadaman, penambahan atau perubahan Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
14. Terma-Terma dan Syarat-Syarat (yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 12) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan **Program Manfaat** ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa **Program Manfaat** yang akan digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
15. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan semasa yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas **Bank** berkenaan dengan atau terpakai terhadap **Program Manfaat** atau apa-apa perkara di sini.

CIMB Bank Berhad (197201001799 (13491-P))**CIMB Islamic Bank Berhad (200401032872 (671380-H))**

16. Jika terdapat sebarang ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini di sini, versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Layak dan dicatat dan diakui oleh **Bank** dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia **Kempen** telah dipilih oleh Peserta Layak untuk mengawal operasi penggunaan **Program Manfaat** oleh **Pelanggan CIMB@Work**, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain.
17. Sebarang pertanyaan, maklumbalas, kebimbangan, isu atau aduan oleh **Pelanggan CIMB@Work** berhubung dengan Produk Penyertaan di bawah **Bank** hendaklah diarahkan kepada **Bank** dan **Bank** tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa perkara yang berkaitan dengan Akaun Penyertaan di bawah **Bank**.
18. Bagi maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Program Manfaat ini, **Pelanggan CIMB@Work** boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan **Bank** yang mempunyai alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile yang berikut (atau mempunyai alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile lain sepertimana yang boleh ditukarkan oleh **Bank** melalui pemberitahuan kepada Peserta Layak) Unit Resolusi Pelanggan

Unit Resolusi Pelanggan,

Peti Surat 10338 Pejabat Pos Besar,
Kuala Lumpur 50710,
Wilayah Persekutuan,
Tel : 603 6204 7788
Emel : cru@cimb.com